

Kasmo 17/05/2010 MIS 22



KANAK-KANAK antara kelompok yang paling mudah terdedah dengan jangkitan penyakit H1N1.



FOLLOW ME memikul tanggungjawab menjalankan kempen pencegahan penularan H1N1 dengan membekalkan 20,000 produk pembersih tangan.

SEJAK wabak selesema babi (H1N1) menyerang seluruh dunia dua tahun lalu, pelbagai jenama pembersih tangan wujud dalam pasaran bagi mencegah penularan wabak itu.

Di sana sini kempen menggalakkan penjagaan kebersihan dengan menekankan betapa perlunya organisasi awam dan swasta menyediakan produk-produk seperti topeng mulut dan hidung serta pembersih tangan diadakan di premis masing-masing.

Bagaimanapun, seiring laporan media mengenai wabak itu yang kian menyepi, orang ramai mula beranggapan bahawa keadaan sudah selamat dan masyarakat tidak perlu bimbang lagi dengan bahaya H1N1.

Bagaimanapun baru-baru ini tiba-tiba, seorang seorang wanita berusia 22 tahun meninggal dunia di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian disahkan akibat serangan selesema babi. Ia sekali gus menjadikan jumlah kematian di negara ini sudah mencecah 78 orang.

Pengurus Komunikasi Tohtonku, syarikat pengeluar jenama Follow Me, Monita Goh berkata, tabiat penjagaan kebersihan perlu dilakukan secara berterusan dan sepatutnya dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi.

"Kes selesema babi yang dilaporkan berlaku baru-baru ini menunjukkan masyarakat seharusnya tidak leka mengenai aspek penjagaan kebersihan diri secara berterusan.

"Malah, ibu bapa seharusnya mengajar anak-anak masing-masing untuk sentiasa membawa pembersih tangan ke mana-mana sahaja," katanya pada pelancaran kempen *Follow Me Follow Love* di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepong, Selangor.

Menurut Monita, sebanyak 20,000 botol pembersih tangan 60 mililiter (ml) akan diedarkan kepada 20 buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor secara percuma sepanjang bulan Mac ini bagi menggalakkan penjagaan kesihatan yang bermula pada usia kanak-kanak.

"Kami tidak mahu penjagaan kesihatan yang baik hanya dilaksanakan ketika penularan wabak selesema babi, tetapi ia menjadi tabiat setiap orang untuk sentiasa membawa pembersih tangan ketika keluar dari rumah.

"Tambahan pula, penggunaan produk

Amalkan membawa pembersih tangan

Sebanyak 20,000 botol pembersih tangan diedarkan kepada 20 buah sekolah di sekitar Lembah Klang secara percuma sepanjang Mac ini sebagai galakan kepada kanak-kanak menjaga kesihatan mereka.



PELAJAR sekolah diberikan pengetahuan secukupnya mengenai bahaya H1N1 dan langkah pencegahan yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

pembersih tangan lebih mudah kerana ia tidak perlu dibilas dan ia selamat," katanya.

Tambah Monita, selain mengedarkan produk pembersih tangan, Tohtonku turut mengadakan bengkel-bengkel penjagaan

kesihatan dan kecantikan kepada pelajar sekolah.

"Kami mengajar pelajar sekolah bagaimana menjaga diri dan kecantikan masing-masing menggunakan produk Follow Me, termasuk cara yang selamat

dalam penjagaan kesihatan.

"Oleh itu, apabila mereka sudah dewasa, secara tidak langsung mereka sudah terbiasa dengan penjagaan kebersihan dan kecantikan sekali gus dapat menjaga diri masing-masing," katanya.

Sementara itu, guru pendidikan jasmani Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepong, Renganathan Kaliappan, 47 berkata, pelajar sekolah biasanya terlibat dengan pelbagai aktiviti kokurikulum menyebabkan mereka terdedah kepada jangkitan kuman sekiranya aspek kebersihan diabaikan.

"Kami mahu mendidik para pelajar untuk menjadikan penggunaan pembersih tangan sebagai amalan harian dan bukannya digunakan apabila berlaku serangan wabak.

"Dulu semasa wabak selesema babi mula menyerang, semua orang sibuk membeli pelbagai produk penjagaan kebersihan tetapi lama-lama orang sudah lupa mengenai wabak ini," katanya.

Tambah Renganathan, wabak selesema babi ibarat pembunuh senyap dan ia datang dengan tiba-tiba tanpa memberi sebarang amaran.

"Saya harap lebih banyak syarikat swasta akan menganjurkan kempen berterusan mengenai penjagaan kesihatan dan menggalakkan rakyat supaya lebih perihatin mengenai keselamatan keluarga masing-masing.

"Penjagaan kesihatan bukan sahaja dilihat melalui satu sudut sahaja, tetapi merangkumi semua aspek kehidupan manusia," katanya.